



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia

Ucapan semak semasa dilafazkan:

TEM: 11/08/77 (PM)

(Y)

BERNAMA

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI
DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PERASMIAN IJTIMAK ULAMA KE-5
DI KOMPLEKS JEMAAH HAJI KELANA JAYA
SUBANG, SELANGOR DARUL EHSAN
PADA HARI JUMAAT, 25HB. NOVEMBER 1988
PUKUL 9.00 PAGI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala berana dengan izinNya kita semua dapat menghadiri majlis yang mulia ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang telah berjaya menganjurkan Ijtimak Ulama Se Malaysia bagi kali yang kelima ini. Saya rasa perhimpunan seperti ini amatlah penting sebagai satu forum kepada para ulama untuk berbincang dan mencari jalan menyelesaikan masalah keagamaan dalam masyarakat yang timbul dari semasa ke semasa.

2. Tidak dapat dinafikan para ulama mempunyai peranan penting dalam membimbing anggota masyarakat dalam berbagai peringkat, bukan sahaja dalam hal-hal ibadat tetapi juga dalam menentukan cara hidup dan tindakan yang secocok dengan

ajaran Islam dalam masyarakat berbilang kaum dan agama yang terdapat di negara kita ini.

3. Di negara ini peranan ulama semenjak sebelum merdeka adalah nyata sekali. Alim ulama dengan gigih telah membuka sekolah-sekolah persendirian yang dikenali sebagai sekolah pondok di merata-rata tempat di seluruh negara. Mereka mengajar dan menanamkan semangat dan pengetahuan keagamaan yang kukuh yang dapat menangkis pengaruh agama-agama lain yang dikembangkan di negara kita yang sedang dijajah ketika itu. Tidak seperti di setengah-setengah negara lain yang dijajah, di negara kita tidak seorang pun daripada orang Melayu yang terpisah daripada agama Islam selama penjajah memerintah.

4. Hasilnya ialah apabila kemerdekaan dicapai maka orang-orang Islam masih mampu bergiat lagi menyebarkan ajaran Islam di kalangan mereka dan di kalangan orang-orang lain. Pengetahuan mengenai Islam menjadi lebih luas dan mendalam, sehingga Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam yang aktif dan maju dalam dunia.

5. Tradisi keilmuan yang diwarisi daripada para ulama dan tuan-tuan guru sebelum merdeka ialah mereka menyebarkan ajaran Islam bukan atas desakan semangat kelompok atau kumpulan dan bukan pula dengan tujuan untuk mencari pengaruh, populariti atau kepentingan diri. Mereka mengutamakan keikhlasan dalam menjalankan tugas dan sentiasa

mengelakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Dengan itu kita mendapati para ulama dahulu tidak menonjolkan soal serban, jubah, purdah, Imam Mahadi atau poligami sebagai tanda keIslaman. Masyarakat dengan mudah menerima apa yang disampaikan oleh ulama ketika itu kerana mereka menyampaikan ajaran mengikut satu mazhab dan satu tafsiran yang tidak mengelirukan dan tidak menyebabkan berlakunya konflik.

6. Satu lagi peranan alim ulama di zaman sebelum merdeka ialah menggembling semangat cintakan tanahair dan ingin bebas daripada cengkaman penjajah. Ulama yang pulang selepas belajar di Timur Tengah, selain daripada membawa ilmu, juga membawa semangat 'pembebasan' yang diasuh dan ditanam oleh ulama-ulama di negara Asia Barat seperti Syed Rashid Ridha melalui kitab tafsirnya Al-Manar.

7. Semangat ini disemai pula di sekolah-sekolah rakyat. Pendekatan pengajaran agama dihubungkan dengan kewajipan membela tanahair daripada cengkaman penjajahan. Sebabnya ialah kerana negara yang terjajah bukan sahaja menghinakan, tetapi juga mengancam perkembangan Islam selanjutnya. Nasyid-nasyid cintakan tanahair menjadi nyanyian anak-anak muda; malah terdapat juga ayat-ayat Al-Quran yang dijadikan sependuk dalam majlis-majlis ihtifal di sekolah. Pendapat bahawa kasih kepada watan atau tanahair adalah sebahagian daripada iman disebarkan dengan

luas dan dengan bangganya. Tidak ada sesiapa pun yang bercakap berkenaan dengan assabiah pada masa itu.

8. Pihak penjajah menyedari bahawa agama menjadi satu teras ke arah semangat kebangsaan dan pembebasan. Maka mereka mencari satu isu supaya wujud pertentangan antara ulama yang pulang dari luar negeri dengan ulama tempatan. Akhirnya tercetuslah istilah-istilah 'kaum tua' bagi ulama tempatan dan 'kaum muda' bagi ulama yang pulang dari luar negeri. Penjajah bertindak keras menyekat fahaman agama yang progresif yang dibawa oleh 'kaum muda' itu. Ulama-ulama 'kaum muda' yang berani bercakap tentang agama dan kemerdekaan dipenjarakan oleh penjajah. Lebih menyedihkan lagi ialah mereka dipulaukan oleh golongan majoriti yang dikumpulkan sebagai 'kaum tua'.

9. Akan tetapi pertentangan antara golongan 'kaum tua' dan 'kaum muda' ini tidak lama kerana akhirnya masing-masing menyedari bahawa kemerdekaan tanahair lebih penting. Dan mereka terus menyalakan semangat anti penjajahan melalui institusi pengajian pondok, madrasah, masjid dan mana-mana perhimpunan keagamaan.

10. Dengan itu maka alim ulama pun berganding bahu dengan aktivis-aktivis Melayu lain dalam perjuangan menentang penjajah dan dalam usaha mencapai cita-cita kemerdekaan. Perjuangan politik anti-kolonial disekalikan dengan perjuangan menegakkan Islam sebagai agama bagi bangsa

beliau. Inilah satu sumbangan ulama yang sangat bererti yang tercatat dalam sejarah kemerdekaan negara kita.

11. Hari ini selepas lebih tiga puluh tahun kita merdeka, ulama terus memberikan khidmat mereka dengan lebih gigih lagi. Ini adalah oleh kerana suasana dan keadaan yang mercabar, dan wujudnya berbagai pengaruh yang bukan sahaja menggugat akidah Islamiah, tetapi juga memecah-belahkan perpaduan dan persaudaraan orang Islam dan orang Melayu di negara ini.

12. Sungguh malang sekali bahawa dalam keadaan yang demikian, ada pula sebahagian daripada mereka yang, walau hanya baru mengenali beberapa aspek agama sudah pandai-pandai membentuk dan memperalatkan pengaruh agama untuk maksud-maksud tertentu. Oleh kerana topeng agama menyelamatkan mereka daripada teguran, sekarang ini mereka menjadi begitu angkuh sehingga mendakwa mereka lebih layak mentadbir hal-hal agama di negara ini. Kumpulan ini mentafsir Islam mengikut kehendak mereka sehingga akidah ahli kumpulan mereka sudah terseleweng. Taksub dengan kejayaan mereka dalam mempengaruhi golongan tertentu, terutamanya kaum wanita, mereka bukan sahaja mengganggu pelajar-pelajar yang sedang menuntut ilmu yang penting bagi ketahanan umat Islam, tetapi juga mereka menyesatkan kefahaman agama para penuntut supaya menerima segala kehendak mereka. Perbuatan melarikan anak orang tanpa

pengetahuan dan tanpa kebenaran ibu-bapa sekarang semakin kelaptesuran.

11. Dalam suasana pemimpin-pemimpin berusaha mengekalkan perpaduan umat, kumpulan ini menonjolkan pula isu usang yang pernah mengelirukan masyarakat semenjak berabad lalu seperti tarikat-tarikat yang kabur, tarikh kiamat, dan di mana Imam Mahadi berada, siapa dianya dan bila ia akan muncul. Hal-hal tersebut bukanlah persoalan yang boleh ditentukan oleh sesiapa dan sejarah telah membuktikan bahawa kesilapan memahami akan hal itu telah menyebabkan rosak akidah di samping perpecahan di kalangan masyarakat. Telah beberapa kali orang-orang Islam di negara-negara tertentu binasa kerana dakwaan kononnya orang itu dan orang ini mempunyai maklumat yang tidak mungkin diketahui oleh sesiapa.

12. Ulama dikatakan pewaris para Nabi. Soalnya ialah apakah setiap orang yang mendakwa dirinya sebagai ulama perlu diterima oleh kita sebagai pewaris Nabi? Apakah kita boleh sewenang-wenangnya menerima pemimpin Kadiani dan beberapa tarikat yang kabur sebagai ulama dan kita menerima sahaja ajaran mereka? Apakah kita boleh menerima setiap orang yang belajar agama atau boleh berbahasa Arab sebagai pewaris Nabi? Kesesatan yang berlaku di kalangan umat Islam ialah kerana kita mudah menerima seseorang sebagai ulama. Sementara kita mengakui dan menerima bahawa para ulama mempunyai kedudukan yang mulia, kita tidak boleh dengan mudah menerima sesiapa sahaja sebagai ulama yang mendakwa

dirinya sebagai Imam Mahadi atau sahabatnya atau boleh bertemu dengan Nabi di alam ghaib. Masyarakat Islam harus berhati-hati berkenaan dengan dakwaan seseorang bahawa ia adalah ulama.

15. Selain daripada itu ulama juga hendaklah sentiasa memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa pegangan akidah Islamiah yang kukuh adalah asas keimanan yang sebenar. Tiap-tiap umat Islam mestilah memahami ciri-ciri ajaran Islam supaya tidak mudah dipengaruhi dengan ajaran-ajaran sesat dan karut.

16. Islam tidak boleh diambil dalam bentuk serpihan dengan mengutamakan hanya beberapa ciri yang dikira sesuai dengan kehendak nafsu semata-mata. Islam mestilah dihayati dengan sepenuhnya seperti yang ditegaskan oleh Al-Quran dalam Surah Al Baqarah, ayat 208 yang bermaksud: 'Wahai orang-orang yang beriman, masuklah ke dalam agama Islam secara menyeluruh'.

17. Semangat kelompok tidak digalakkan di dalam Islam dan dengan itu setiap orang Islam adalah bersaudara. Ini dijelaskan oleh Al-Quran dalam Surah Al Hujurat ayat 10. Rasulullah s.a.w. sendiri menghapuskan semangat itu dengan mempersaudarakan antara Auz dan Khazraj, dan antara Muhajirin dan Ansar ketika Baginda berhijrah ke Madinah Al Munawwarah. Inilah hakikat penting yang perlu difahami oleh umat Islam. Kesilapan kita memahami agama Islam mungkin boleh menimbulkan berbagai masalah yang menyebabkan

berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, seperti yang berlaku di beberapa negara di mana mereka berperang dan bergaduh sesama mereka.

18. Akhir kata, saya sekali lagi menyeru supaya alim ulama menyediakan lebih banyak golongan pelapis di kalangan mereka bagi menghadapi keadaan dan suasana yang melanda masyarakat dari semasa ke semasa. Selain daripada menyampaikan dakwah melalui syarahan dan pengajian, saya berpendapat sudah sampai masanya ulama kita menghasilkan buku-buku rujukan yang muktabar dalam Bahasa Kebangsaan, sama ada terjemahan atau karangan sendiri bagi mengelakkan umat Islam di negara ini daripada terpengaruh dengan kitab-kitab yang dikarang atau diterjemahkan oleh ulama yang berkepentingan.

19. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia kerana menganjurkan Ijtimak ini, dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Ijtimak Ulama Kali Kelima ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KUALA LUMPUR

25th. November, 1988 (diholuskan pada pukul 12.00 t/hari)